

15/07/2002

Azad Jammu Kashmir hargai bantuan Malaysia

Shamsul Azree Samshir

DESAKAN antarabangsa amat diperlukan bagi mencari penyelesaian terhadap krisis Kashmir yang kini menyaksikan lebih 80,000 nyawa terkorban sejak pertelingkahan bermula lebih 50 tahun lalu.

Perdana Menteri Azad Jammu dan Kashmir, Sardar Sikander Hayat Khan, berkata dunia tidak memberi pertimbangan adil terhadap krisis Kashmir, malah kemelut yang melanda negara itu seolah-olah dianggap tidak wujud.

"Negara maju terutama dari Barat yang mendakwa bertamadun dan demokratik sebenarnya bersikap `berat sebelah' dan sekarang keadaan bertambah buruk apabila dunia memperkatakan mengenai Islam dan penganas," katanya kepada Berita Harian selepas menerima kunjungan Pengerusi Misi Keamanan Sejagat (MKS) Malaysia, Ahmad Azam Abdul Rahman di kediamannya di Muzaffarabad, semalam.

Ahmad Azam menemui Sardar Sikander bagi memperkenalkan MKS Malaysia kepada Kerajaan Azad Jammu Kashmir selepas beberapa projek kemanusiaan dilaksanakan di negara itu.

Mengikuti rekod Pertubuhan Bantuan Kemanusiaan Muslim Kashmir (ROKM), sekurang-kurangnya 80,000 nyawa umat Islam terkorban sejak krisis Kashmir bermula pada 1947.

Selain itu, mangsa yang mengalami kecederaan dan kecacatan kekal meningkat kepada 91,000 orang dan berpuluh-puluh ribu lagi penduduk Kashmir dipenjarakan atau disoal siasat.

Pertubuhan itu juga mendakwa lebih 100,000 rumah dan kedai dan 825 masjid musnah akibat krisis berpanjangan itu.

Sardar Sikander berkata, adalah mengecewakan isu Kashmir tidak diperdebatkan oleh masyarakat antarabangsa sedangkan krisis itu memberi kesan buruk.

"Kita melihat beberapa negara sahaja yang berani menyuarakan isu Kashmir di peringkat antarabangsa.

"Antara negara itu ialah Malaysia yang sentiasa menunjukkan keprihatinan dan kita amat berterima kasih.

"Malaysia sentiasa berusaha membantu malah kedatangan MKS Malaysia hari ini untuk memberi misi kemanusiaan di Kashmir amat dinantikan," katanya.

Sardar Sikander berkata, beberapa badan antarabangsa termasuk Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) juga gagal memperjuangkan isu Kashmir di peringkat antarabangsa.

"Apa yang kita harap tidak diperoleh. Mereka (negara asing termasuk OIC) banyak membuat keputusan atau resolusi apa yang kita harap tak dapat, mereka buat keputusan atau resolusi tetapi ia tidak lebih dari itu.

"Malah OIC juga tidak dapat menyempurnakan misi mencari fakta bagi mendapatkan gambaran sebenar apa yang berlaku," katanya.

Sardar Sikander berkata, bagaimanapun Kashmir masih mengharapkan sokongan negara Islam bagi memperjuangkan hak mereka.

"Mungkin masalah yang timbul di kalangan negara Islam ialah dengan tiadanya penyelarasan dan masalah kepemimpinan.

"Negara Islam sebenarnya memerlukan dua atau tiga orang pemimpin seperti Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya benar-benar boleh berfungsi," katanya.

Sementara itu, MKS melancarkan bantuan kemanusiaannya yang pertama di Kashmir dengan menyumbang bantuan makanan dan peralatan sekolah termasuk buku kepada dua kem pelarian di sini.

Dua kem pelarian itu ialah Kem Basnara, kira-kira 10 kilometer dari

bandar ini yang menempatkan 850 keluarga dan Kem Guri Doptaa yang menempatkan kira-kira 180 keluarga.

Kem Basnara terletak di lereng gunung berhadapan Sungai Jeelum dengan pemandangan indah manakala Kem Guri Doptaa terletak di tepi sungai. Bantuan kemanusiaan itu disampaikan oleh Ahmad Azam kepada penduduk kem terbabit.

Sementara itu, rombongan MKS Malaysia sempat meninjau kawasan perkampungan Chkothi, kira-kira 50 kilometer dari sini bagi melihat lebih dekat kesan kekejaman tentera India terhadap penduduk Islam di kawasan itu.